



19 Julai 2026

BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**
The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais
- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**
The Rt. Revd. Kenneth Thien
- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**
The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR

- Revd. Fredoline Babiah
- Revd. Robert Chin (Sukarela)
- Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)
- Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun
- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun
- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin
- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung
- **Belia:** Alan Chung
- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee
- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong
- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

ZON BM:

- **SPC:** Revd. Anzen Daud
- **PJA:** Revd. Majelus Majar
- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud
- **Belia:** Danny Daniel
- **Muda-Mudi:** Jackson Samuel
- **Kanak-kanak:** Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**
Alex Wong Chun Sang
- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui
- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel
- **Doa:** Chu Sui Fun
- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo
- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew
- **Pentadbiran:** Margaret Khong
- **Penyelenggaraan:**
Rommel Lumantas
- **Pengangkutan:**
Rommel Lumantas
- **Kebersihan:** Margaret Khong

GEREJA MISI

- **Tarakan, Korpri, Malinau & Tanjung Selor**
Revd. Jakobus Chong
Ps. Lim Tze Ling
Ps. Daniel Musa Litu
- **Nunukan**
Revd. Roy Nol Simon
- **Sebakis**
Revd. Martin Ataring
- **Seimenggaris**
Revd. Ferdinan Antonis
Ps. Christinah Simon
- **Sekalayan**
Revd. Alexander Nenotek



Mesej Rektor...

PELANCARAN FASA AKHIR MISI

"Tetapi demi Kristus, Tuhan kita, dan demi kasih Roh, aku menasihatkan kamu, saudara-saudara, untuk bergumul bersama-sama dengan aku dalam doa kepada Allah untuk aku, supaya aku terpelihara dari orang-orang yang tidak taat di Yudea, dan supaya pelayananku untuk Yerusalem disambut dengan baik oleh orang-orang kudus di sana." (Roma 15:30-31)

Setiap empat tahun, dunia memberi perhatian kepada satu detik yang dinanti-nantikan. Jutaan mata tertumpu kepada 22 pemain di atas padang. Dengan tiupan wisel, segala usaha dan persiapan bertahun-tahun mula diterjemahkan kepada tindakan. **Iniilah Pelancaran Fasa Akhir Misi!**

Pada hujung minggu ini, kita bukan sekadar menyaksikan bola sepak Piala Dunia, **gereja kita sendiri sedang melancarkan suatu pelayanan misi yang sangat besar.** Dengan pimpinan Roh Kudus, 209 anggota jemaat SPC akan diutus dalam 19 pasukan misi ke 16 gereja di Sabah dan di 6 buah negara. Mereka akan memasuki ladang tuaian, membawa berita baik kepada mereka yang memerlukan pengharapan. Seperti pasukan bola sepak yang mewakili negara mereka sendiri dengan penuh kebanggaan, pasukan misi kita juga melangkah keluar dengan identiti yang lebih mulia. Kita bukan mewakili sebuah negara, tetapi Kerajaan Allah.

Sebuah pasukan tidak memenangi perlawanan hanya dengan semangat yang tinggi; mereka memerlukan strategi perlawanan. Ketika pasukan kita melangkah ke ladang misi, kita berdiri bersama mereka dalam doa untuk tiga perkara utama: keadaan yang terbaik, kerjasama pasukan yang baik, dan pelaksanaan yang sempurna!

1. Keadaan Yang Terbaik (Kesihatan Yang Baik). Marilah kita berdoa untuk kesihatan, kekuatan dan ketabahan bagi kesemua 209 anggota misi. Berdoalah agar mereka dilindungi daripada penyakit, keletihan dan kecederaan, serta diperlengkapi untuk memberikan yang terbaik dalam pelayanan misi mereka. Beberapa anggota misi terpaksa menarik diri kerana keadaan yang tidak dijangka.

Muka surat seterusnya...

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>



dari muka surat sebelah...

...Namun, marilah kita terus berdoa memohon naungan dan perlindungan Tuhan atas setiap anggota serta orang tersayang mereka.

2. Kesatuan yang Teguh (Kerjasama Pasukan yang Baik). Piala Dunia tidak pernah dimenangi oleh seorang pemain sahaja. Begitu juga dalam misi ini, kita berdoa agar setiap pasukan mengalami kesatuan, saling memahami dan saling mendorong antara satu sama lain. Kiranya kasih mereka antara satu sama lain menjadi kesaksian utama kepada 16 gereja yang menjadi tuan rumah.

3. Pelaksanaan yang Sempurna (Program yang Berjalan dengan Baik). Banyak persiapan telah dilakukan sepanjang beberapa bulan yang lalu— daripada khutbah, bengkel, rancangan pengajaran, sehinggalah demonstrasi memasak. Marilah kita berdoa agar setiap perancangan dapat dilaksanakan dengan baik dan agar Roh Kudus bekerja melalui setiap program misi.

Namun, inilah perkara yang paling penting dalam gambaran Piala Dunia ini: sebuah pasukan tidak bertanding sendirian di stadium yang kosong. Sorakan para Penyokong menjadi sumber semangat yang mendorong mereka terus maju. Para penyokong bukan hanya melihat dari jauh—*mereka turut mengambil bahagian!* Mereka bersorak, memberi sokongan, mengangkat sepanduk dan meraikan setiap gol seolah-olah mereka sendiri yang menjaringkannya.

Sama seperti penyokong yang memenuhi stadium, kita juga dipanggil untuk berdiri bersama 209 saudara dan saudari kita yang melangkah ke ladang misi. Doa kita adalah sorakan terbesar yang akan menguatkan mereka. Marilah kita menaikkan suara kita dalam alam rohani - dengan keyakinan bahawa apabila mereka merebut satu demi satu tempat bagi Kerajaan Allah, kita semua juga menang bersama-sama dengan mereka.

Berita Gereja

TAKZIAH

Pihak gereja mengucapkan takziah kepada Rev Majelus Majar dan keluarga, atas pemergian nenek tersayang, mendiang **Satun Kutika** pada 16 Julai 2026. Mendiang telah selamat dikebumikan pada 18 Julai 2026.

MINGGU AISKRIM SEL KANAK-KANAK

25 Julai 2026 (Sabtu) | 1:00 petang | PJA
Mari sertai kami, pelbagai aktiviti menarik menanti anda.

PELAYANAN BISHOP DAN PADERI

- 1) Bishop John Yeo - Pelayanan Misi ke Medan (18-24 Julai 2026)
- 2) Rev Anzen Daud - Pelayanan Misi ke Medan (18-24 Julai 2026)

PERJALANAN PASUKAN MISI

- 1) Medan : 18-24 Julai 2026
- 2) Tarakan : 23-27 Julai 2026

Mari ingat mereka dan seluruh rombongan Misi di dalam doa-doa anda.

MENARA DOA

20 Julai 2026 (Isnin) | 7:30 malam | PJA
"Tetaplah berdoa." 1 Tesalonika 5:17



LIGA BOLA SEPAK SEL KANAK-KANAK

19 Julai 2026 (Ahad) | 3:30 petang
Padang SPC



Istimewa untuk Peserta SPC & PJA

JUMLAH ANAK	SUBSIDI	JUMLAH BAYARAN
1 Orang	TIADA SUBSIDI	RM80
2 Orang	Anak ke-1 RM80 Anak ke-2 RM50	RM130
3 Orang	Anak ke-1 RM80 Anak ke-2 RM50 Anak ke-3 RM50	RM180

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi
En. Presley Samson di talian 012-844 9242

KUTIPAN DANA KONVENSYEN PELAJAR SPAA

1. Kek Butterkrim : RM25.00
2. Keropok Udang (buatan sendiri) : RM25.00

Tempahan dibuka pada :
18-19 Julai dan 25-26 Julai 2026

Pelajar-pelajar SPAA akan menyertai Konvensyen Pelajar. Sokongan anda amat dihargai bagi membantu menampung kos penginapan dan pengangkutan mereka.

Borang tempahan boleh didapati daripada pemimpin sel masing-masing.

STATISTIK KELOMPOK SEL 2026

Zon	Jumlah Sel	Mei	Jun
BAHASA INGGERIS			
Dewasa	14	76	85
Belia	2	13	15
Muda-Mudi	8	59	57
Kanak-Kanak	7	34	29
BAHASA CINA			
Dewasa	43	327	316
Belia	2	15	10
Muda-Mudi	5	18	26
Kanak-Kanak	10	58	58
Warga Tua	8	96	91
BAHASA MALAYSIA			
Dewasa	54	377	395
Belia	9	55	50
Muda-Mudi	25	138	168
Kanak-Kanak	19	113	122
PUSAT JANGKAUAN APAS BATU 5			
Dewasa	18	99	121
Belia & Muda-Mudi	17	105	108
Kanak-Kanak	16	50	58
JUMLAH	257	1,633	1,709

SIRI KHUTBAH : ASKAR KRISTUS YANG DIBANGUNKAN
KETEKUNAN BERDOA DALAM PEPERANGAN ROHANI
DANIEL 10:2-21

1. Doa yang rendah hati memahami hati Tuhan

Daniel 10:2-3, 12 ¹²"Pada waktu itu aku, Daniel, berkabung tiga minggu penuh.

³makanan yang sedap tidak kumakan, daging dan anggur tidak masuk ke dalam mulutku dan aku tidak berurap sampai berlalu tiga minggu penuh. ¹²Lalu katanya kepadaku: 'Janganlah takut, Daniel, sebab telah didengarkan perkataanmu sejak hari pertama engkau berniat untuk mendapat pengertian dan untuk merendahkan dirimu di hadapan Allahmu, dan aku datang oleh kerana perkataanmu itu.'

2. Ada peperangan rohani di sebalik perkara yang kelihatan

Daniel 10:13-14 ¹³"Pemimpin kerajaan orang Persia berdiri dua puluh satu hari lamanya menentang aku; tetapi kemudian Mikhael, salah seorang daripada pemimpin-pemimpin terkemuka, datang menolong aku, dan aku meninggalkan dia di sana berhadapan dengan raja-raja orang Persia. ¹⁴Lalu aku datang untuk membuat engkau mengerti apa yang akan terjadi kepada bangsamu pada hari-hari yang terakhir, sebab penglihatan ini juga mengenai hari-hari itu."

3. Tuhan memberi kekuatan untuk bertahan sampai akhir

Daniel 10:18-21 ¹⁸"Lalu dia yang rupanya seperti manusia itu menyentuh aku pula dan memberikan aku kekuatan, ¹⁹dan berkata: 'Hai engkau yang dikasihi, janganlah takut, sejahteralah engkau, jadilah kuat, ya, jadilah kuat!' Sementara ia berbicara dengan aku, aku merasa kuat lagi dan berkata: 'Berbicaralah kiranya tuanku, sebab engkau telah memberikan aku kekuatan. ²⁰Lalu katanya: "Tahukah engkau, mengapa aku datang kepadamu? Sebentar lagi aku kembali untuk berperang dengan pemimpin orang Persia, dan sesudah aku selesai dengan dia, maka pemimpin orang Yunani akan datang. ²¹Namun demikian, aku akan memberitahukan kepadamu apa yang tercantum dalam Kitab Kebenaran. Tidak ada satu pun yang berdiri di pihakku dengan tetap hati melawan mereka, kecuali Mikhael, pemimpinmu itu,'

Soalan Perbincangan

1. Apakah perkara yang sering menyebabkan kita berasa lemah atau takut dalam perjalanan iman kita? Dan apakah bentuk "peperangan rohani" yang sering kita hadapi dalam kehidupan seharian? Bagaimana kita mengatasinya?
2. Daripada Daniel 10:18-19, apakah yang kita pelajari tentang cara Tuhan menguatkan umat-Nya?
3. Bagaimanakah doa membantu kita untuk tetap kuat dan bertahan sampai akhir?